



**KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**

Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617 Jld.1 (44)

Tarikh : 23 Mei 2016

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN DASAR PINDAH KREDIT

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, Surat Makluman Jabatan ini JPT(A)1000/001/013/05(17) bertarikh 27 Mac 2012 dan Pekeliling MQA Bil. 2/2010 bertarikh 28 Disember 2010 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1/2016 bertarikh 11-12 Mac 2016 telah memutuskan ketetapan seperti berikut:

- a) **Membenarkan pindah kredit daripada kelayakan Sijil (Tahap 3, MQF) ke kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) dengan pindahan maksimum sebanyak 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.**

Ketetapan ini adalah selaras dengan dasar semasa pindah kredit secara *vertical* daripada kelayakan Diploma (Tahap 4, MQF) ke kelayakan Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF).

- b) **Membenarkan pindah kredit kepada pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian untuk kali kedua pada peringkat kelayakan yang sama.**

Tiada had pindah kredit ditetapkan bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang sama.

Bagi pelajar yang melanjutkan pengajian untuk kali kedua di IPT yang berbeza, tempoh permastautin pelajar (*residential year*) adalah seperti berikut:

- i. Ijazah Sarjana/PhD – 1 semester
- ii. Ijazah Sarjana Muda – 1 tahun
- iii. Diploma dan Sijil – 1 semester

3. Dasar pindah kredit yang ditetapkan ini perlu berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:

- i. Gred lulus – gred minimum iaitu Gred C;
- ii. Nilai kredit – sama dengan nilai kredit kursus bagi program di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) penerima;
- iii. Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
- iv. Kursus yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi/pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.

4. Keputusan ini **berkuat kuasa daripada tarikh surat**. Dengan ini, dasar yang berkaitan dengan perkara ini seperti pada Surat Makluman JPT(A)1000/001/013/05(17) dan Pekeliling MQA Bil. 2/2010 adalah terbatal.

5. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Menara PKNS-PJ
17, Jalan Yong Shook Lin
46050 Petaling Jaya, Selangor
3. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
4. Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi
6. Pengarah
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian
Jabatan Pendidikan Tinggi